



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

NPM 08 / 2014
MSN 08 / 2014

JABATAN LAUT MALAYSIA

Marine Department of Malaysia

Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-33467777

Fax: 03-3168 5289, 3165 2882

E-mail: kpgr@marine.gov.my

Website: <http://www.marine.gov.my>

**PEMBETULAN KEPADA GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK
MENJALANKAN AKTIVITI KAPAL KE KAPAL (BUNKER) DI DALAM KAWASAN
HAD PELABUHAN**

***CORRIGENDUM TO THE GUIDELINE FOR THE SHIP TO SHIP ACTIVITY (BUNKER)
APPLICATION'S WITHIN PORT LIMIT***

**Pemakluman kepada pemilik, nakhoda, pegawai-pegawai kapal, krew kapal dan institusi
latihan maritim**

Notification to ship owners, masters, ship officers, ship crews and maritime training institutions

Notis ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan pembetulan kepada Notis Perkapalan Malaysia bilangan 3/2014 berkaitan Garis Panduan Permohonan Untuk Menjalankan Aktiviti Kapal ke Kapal (Bunker) di dalam Kawasan Had Pelabuhan.

The purpose of this Notice is to inform the corrigendum made to Malaysian Shipping Notice No 3/2014 regarding the Guideline For the Ship to Ship Activity (Bunker) Application Within Port Limit.

2. Pembetulan dalam Makluman Am di perenggan 3 dengan memotong ayat "Syarikat yang mempunyai Kebenaran PDA-Import tidak dibenarkan menjalankan aktiviti kapal ke kapal (bunker)".

2. *Corrigendum in paragraph 3 of the 'Makluman Am' delete the sentence "Syarikat yang mempunyai Kebenaran PDA-Import tidak dibenarkan menjalankan aktiviti kapal ke kapal (bunker)"*

Ketua Pengarah Laut / Director General of Marine

Tarikh/Date: 20 July 2014



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
UNTUK
MENJALANKAN AKTIVITI KAPAL KE KAPAL
(BUNKER)
DI DALAM KAWASAN HAD PELABUHAN**

MAKLUMAN AM

1. Garis Panduan ini terpakai bagi permohonan untuk menjalankan aktiviti kapal ke kapal (bunker) di dalam kawasan had pelabuhan sahaja.
2. Aktiviti kapal ke kapal (bunker) di dalam kawasan had pelabuhan adalah terkawal di bawah seksyen **491B(1)(k)** Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Pemilik, nakhoda atau agen kapal atau mana - mana orang yang gagal mematuhi atau melanggar seksyen ini, boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 491B(4) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 iaitu denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua - dua sekali.
3. Pemohon perlu memiliki Kebenaran PDA yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
4. Pemohon hendaklah memiliki kapal (sama ada milik sendiri atau menyewa).
5. Sekiranya kapal tersebut disewa, maka salinan surat perjanjian sewaan kapal hendaklah dikemukakan bersama permohonan.
6. Kapal yang hendak digunakan hendaklah telah mempunyai Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL).
7. Kelulusan hendaklah diperolehi bagi setiap kapal yang terlibat membekalkan "bunker".
8. Pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan Kelulusan untuk menjalankan aktiviti kapal ke kapal (bunker) (Borang JLM/BKI/Bunker) seperti di Lampiran 1.


Nota kaki :

- I. Kebenaran PDA adalah adalah perakuan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang membenarkan syarikat menjalankan perniagaan perkhidmatan Bunkering
- II. *DSL adalah "Domestic Shipping Licence" atau Lesen Perkapalan Dalam Negeri, yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Lembaga Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri. Syarat serta tatacara memohon boleh didapati di laman sesawang <http://EDSL.mot.gov.my>

PROSEDUR BAGI MENDAPATKAN KELULUSAN BAGI KAPAL-KAPAL YANG HENDAK MEMBEKAL “BUNKER”

1. Borang JLM/BKI/Bunker yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Laut Wilayah dimana aktiviti akan dijalankan untuk kelulusan. Pemohon hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut yang hendaklah masih sah tempoh sahlaku:
 - (a) Domestic Shipping Licence (DSL) bagi setiap kapal berkenaan untuk khidmat bunkering
 - (b) Kebenaran PDA
 - (c) Laporan pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan (Port State Control) oleh Port State Control Officer (PSCO) Malaysia atau Laporan pemeriksaan Kawalan Negara Bendera (FSC). Tempoh sah laku tarikh laporan yang dikeluarkan hendaklah tidak melebihi 6 bulan.
 - (d) Salinan sijil-sijil statutori kapal
 - (e) Prosedur Operasi Standard (SOP) bunkering
 - (f) Surat perjanjian sewaan kapal, sekiranya menggunakan kapal sewa
 - (g) Salinan Lesen Pendaftaran Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelabuhan yang berkenaan (jika berkaitan)
 - (h) Premium Insurance Coverage
2. Permohonan yang diluluskan akan dikeluarkan Kelulusan Menjalankan Aktiviti Kapal Ke Kapal (Bunker) di dalam kawasan had pelabuhan seperti di Lampiran 2. Tempoh sahlaku Kelulusan adalah tertakluk kepada tempoh sahlaku DSL. Kelulusan ini perlu diperbaharui dalam tempoh 14 hari sebelum tamat tempoh sahlaku. Permohonan Pembaharuan Kelulusan perlu disertakan bersama borang JLM/BKI/Bunker beserta lesen DSL, Kebenaran PDA serta Laporan pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan / Laporan pemeriksaan Kawalan Negara Bendera yang terkini. Pemohon hendaklah mengesahkan semasa permohonan pembaharuan Kelulusan, sijil-sijil statutori masih sah tempoh sahlaku.
3. Setiap aktiviti kapal ke kapal (bunker) oleh kapal yang telah diberi kelulusan hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Laut berkaitan dengan menggunakan borang JLM/BKI/BERITAHU/BUNKER seperti di Lampiran 3.

CARTA ALIRAN PROSEDUR MENDAPATKAN KELULUSAN BAGI KAPAL-KAPAL YANG HENDAK MEMBEKAL "BUNKER"



JABATAN LAUT MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN MENDAPATKAN KELULUSAN BAGI KAPAL-
 KAPAL YANG HENDAK MEMBEKAL "BUNKER"**

SYARIKAT YANG MEMOHON :
 NAMA KAPAL :
 CALL SIGN :
 NO. IMO :
 PELABUHAN PENDAFTARAN :
 TANAN KASAR :
 *PELABUHAN :

BIL.	DOKUMEN	TARIKH TAMAT
1.	Kebenaran PDA	
2.	D.S.L (Khidmat Bunkering)	
3.	Laporan PSC oleh PSCO Malaysia / FSC	
4.	Lesen Pendaftaran Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelabuhan	
5.	Sijil - Sijil Statutori Kapal :	
(a)	Sijil Pendaftaran Kapal	
(b)	International Tonnage Certificate (1969) / National Tonnage Certificate	
(c)	International Load Line Certificate 1966 (ILLC) / National Load Line Certificate	
(d)	Safe Manning Document / Certificate	
(e)	Cargo Ship Safety Construction Certificate (CSSC)	
(f)	Cargo Ship Safety Equipment Certificate (CSSE) and Form E	
(g)	Cargo Ship Safety Radio Certificate (CSSR) and Form R	
(h)	International Oil Pollution Prevention Certificate, Annex I Form B	

	MARPOL 73/78	
(i)	International Sewage Pollution Prevention Certificate, Annex IV, MARPOL 73/78	
(j)	International Air Pollution Prevention Certificate, Annex VI, MARPOL 73/78	
(k)	International Anti-Fouling Certificate	
(l)	Document Of Compliance	
(m)	Safety Management Certificate	
(n)	International Ship Security Certificate (ISSC)	
(o)	Civil Liability Certificate (CLC) <i>or equivalent</i>	
(p)	Condition Assessment Scheme (CAS) Statement of Compliance <i>(Untuk Kapal tangki yang muatan > 5000 tan Kategori 2 dan 3 berusia 15 tahun)</i> <i>Rujuk pemakaian Peraturan 20 & 21 of Annex 1 to MARPOL 73/78</i>	

** pelabuhan : kawasan aktiviti kapal ke kapal (bunker) yang akan dilakukan*

*** panduan mengisi borang:*

- 1. Sila nyatakan tarikh sahlaku dokumen – dokumen diatas.*
- 2. Mana - mana bahagian yang tidak diisi akan dianggap tiada dan pertimbangan permohonan Kelulusan adalah berdasarkan maklumat yang sedia ada sahaja.*

PENGAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya mengaku semua maklumat di dalam borang dan dokumen yang dilampirkan adalah benar. Sekiranya mana - mana maklumat tersebut didapati tidak benar, pihak Jabatan Laut berhak menolak atau membatalkan permohonan ini.

Tandatangan Pemilik / Agen / Wakil

.....

Nama:

No. Tel:

No. Faks

Tarikh:

KELULUSAN
MENJALANKAN AKTIVITI
KAPAL KE KAPAL (BUNKER) DI DALAM KAWASAN HAD PELABUHAN



SEKSYEN 491B (1)(k)
ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

Kelulusan ini diberikan untuk kapal berikut menjalankan aktiviti kapal ke kapal (bunker) di dalam kawasan had pelabuhan :

Nama Kapal :
 Pelabuhan berdaftar :
 No. IMO & No. Rasmi :

Nama Syarikat :
 Alamat Syarikat :

Tempoh sahlaku :

Had perairan/
 Pelabuhan yang
 dibenarkan :

Kelulusan ini akan secara automatik terbatal jika kapal gagal melepasi pemeriksaan kawalan negara pelabuhan (PSC)/ kawalan negara bendera (FSC) atau/dan salah satu daripada sijil statutori tamat tempoh sahlaku atau gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

(.....)
 Pengarah Laut
 Jabatan Laut Wilayah _____

Tarikh dikeluarkan :

Syarat – Syarat :

1. Setiap aktiviti pembekalan bunker oleh kapal hendaklah diberitahu kepada Pengarah Wilayah atau mana-mana pejabat wilayah berhampiran sebelum aktiviti kapal ke kapal (bunker) di dalam kawasan had pelabuhan dengan menggunakan Borang **JLM/BKI/BERITAHU/BUNKER**;
2. Kapal **diwajibkan** memasang **AIS (Automatic Identification System)** yang mana sistem peralatan ini perlu **sentiasa beroperasi**;
3. Mematuhi peraturan-peraturan **Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Peraturan-Peraturan Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) Pengangkutan Petroleum Melalui Air 1985, Notis-notis Perkapalan Saudagar, Pekeliling-Pekeliling Pelabuhan** sepanjang beroperasi;
4. Memastikan setiap kali aktiviti *kapal ke kapal (bunker)* di dalam kawasan had pelabuhan dijalankan telah memperolehi **Permit Petroleum seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian III, Borang A, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) Pengangkutan Petroleum Melalui Air 1985** daripada Pejabat Laut berhampiran;
5. Memastikan langkah-langkah keselamatan dipatuhi sepanjang aktiviti bunkering dijalankan mengikut garis panduan OCIMF, Konvensyen MARPOL 73/78 serta International Bunker Industry Associates (IBIA);
6. Pihak syarikat/nakhoda sentiasa bersedia dan memberi kerjasama terhadap pemeriksaan kerja-kerja bunkering yang dilakukan oleh pegawai dari jabatan ini dan agensi penguatkuasa lain dari semasa ke semasa;
7. Surat kebenaran ini hendaklah sentiasa disimpan atau dipamerkan di atas kapal terlibat bagi tujuan pemeriksaan oleh agensi kerajaan yang berkaitan;

PEMBERITAHUAN
MENJALANKAN AKTIVITI KAPAL KE KAPAL (BUNKER)
DI DALAM KAWASAN HAD PELABUHAN
SEKSYEN 491B (1)(k)
ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952



Bahagian A – Butiran Kapal

Nama kapal pembekal		
Pelabuhan Daftar		
Nama kapal penerima		
Pelabuhan Daftar		
Lokasi aktiviti		
Tarikh & masa operasi		
Maklumat bunker dibekal	Jenis	Jumlah (metrik ton)


Bahagian B – Pengakuan (*Pemilik/Agen/wakil/ Nakhoda)

Saya/kami mengaku bahawa sepanjang pengetahuan saya/kami, maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Nama :
No.kad pengenalan :
Jawatan * :
Nama dan Alamat Syarikat :


No.telefon :
Tandatangan / Cop :

Tarikh & Masa Permohonan :



Bahagian C : Akuan Penerimaan (Jabatan Laut Malaysia)

Nama :
Tandatangan :
Tarikh & Masa Penerimaan :



Tempoh sahlaku notis ini adalah selama 48 jam dari akuan penerimaan.